

dan

Mahathir -Pelancong

SEBUAH KAWASAN BEBAS CUKAI BARU DI BUKIT KAYU HITAM

ALOR SETAR, 3 Mei (Bernama) -- Sebuah kawasan bebas cukai yang baru seluas 100 hektar di Bukit Kayu Hitam, kira-kira 48 km dari sini, akan dibangunkan sebagai usaha menarik lebih ramai pelancong asing ke negara ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kawasan baru yang akan dibangunkan itu terletak dibelakang kawasan bebas cukai yang sedia ada. Ia antara lain akan mempunyai kemudahan hotel, chalet, kedai dan padang golf untuk membolehkan para pelancong bermalam atau berehat di situ.

Projek itu, yang akan dimajukan oleh pihak swasta di jangka diwujudkan pada akhir tahun depan dengan perbelanjaan lebih RM30 juta, katanya kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan Anggota-anggota Exco Kerajaan Negeri dan para pegawai kanan kerajaan di Wisma Darul Aman, di sini hari ini.

Semasa ditanya mengenai kemungkinan kerajaan melanjutkan tempoh masa pembukaan pintu sempadan dengan adanya pusat pelancongan itu, Dr Mahathir berkata, pada masa ini pintu sempadan tidak perlu dibuka melebihi 7 malam.

"Bagaimanapun kalau perlu kita akan tengok..." katanya. -- Lagi.

▼03/05/19-36MST

CNS4422

U GB 03-05 00143 BA098

bah

Mahathir - Pelancong 2 Alor Setar

Menurutnya, pelancongan asing boleh membelibarang bebas cukai di kawasan itu tetapi rakyat tempatan akan dikenakan cukai sekiranya mereka membawa keluar barangan yang dibeli dari kawasan berkenaan.

Selain itu, Dr Mahathir juga berkata, kerajaan-kerajaan negeri perlu membaiki pendekatan pembangunan yang lebih baik dalam usaha mendapat lebih banyak pelaburan asing di negeri masing-masing.

Menurutnya, pendekatan yang dilakukan bukan sahaja tertumpu kepada perkara tertentu sebaliknya perlumerangkumi semua bidang, terutama bagaimana mereka boleh bersaing untuk mendapatkan pelaburan modal yang terhad supaya mereka tidak ketinggalan.

"Bukan bermakna pendekatan sekarang ini tidal; berkesan, ia berkesan tetapi boleh dipertingkatkan," katanya.

Walaupun ada negeri yang maju kerana secara kebetulan mempunyai pendekatan yang berkesan dan ada negeri yang kurang berkesan dalam memajukan projek-projek pembangunannya, namun itu perkara biasa. -- Lagi.

▼03/05/19-41MST

CNS4423

U GB 03-05 00129 BA099

bah

Mahathir - Pelancong 3 (Akhir) Alor Setar

Ketika ditanya sama ada perlu atau tidak Kerajaan Pusat menambah peruntukan kewangan kepada Kedah bagi menjayakan projek-projek pembangunannya, Dr Mahathir berkata, peruntukan yang disediakan untuk negeri itu mencukupi.

Katanya, walaupun kerajaan pusat tidak mempunyai wang yang banyak untuk membantu kerajaan negeri, tetapi ia akan terus membantu kerana ia mempunyai kekuatan.

Katanya, kerajaan pusat akan memberisokongan kepada beberapa projek yang dianggap penting untuk pembangunan di Kedah termasuk Taman Industri Berteknologi Tinggi (Hi-Tech Park) di Kulim, pelancongan di Langkawi dan pembangunan kawasan sempadan Malaysia-Thailand.

Dr Mahathir dan isteri, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamad Ali berlepas pulang ke Kuala Lumpur petang ini. -- Bernama

IQ KHY NM.